

# Siswa UMS laksana Program Kunjung Kasih 2.0 KKTF

UB 07.07.2024 P.08

Oleh Vivi Olivia Najurus

**KOTA KINABALU:** Siswa-siswi Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman Tun Fuad (KKTF) sesi 2023/2024 berjaya mengadakan Program Kunjung Kasih 2.0 KKTF di Kampung Gudon, Manggatal baru-baru ini.

Program itu antara lain bertujuan memberipendeban sosial mengenai aktiviti kemasyarakatan sepanjang program dijalankan selain menerapkan konsep kesukarelawan melalui aktiviti kemasyarakatan dalam diri

pelajar universiti.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dilantik Sabah, Dr. Aliakbar Gulasan yang juga mantan pensyarah kanan UMS berkata, inisiatif siswa-siswi UMS itu tidak hanya membantu meningkatkan infrastruktur dan kerjasama antar komuniti, tetapi juga mengeratkan lagi hubungan antara pelajar universiti dan komuniti setempat.

“Saya dimaklumkan bahawa pada hari pertama, peserta program Kunjung Kasih bersama-sama membersihkan kawasan sekolah yang terkena musibah akibat banjir.

“Manakala pada hari kedua

peserta menjalankan aktiviti mengecat masjid dan mengadakan sukaneka bersama-sama pelajar sekolah dan penduduk Kampung Gudon.

“Saya turut difahamkan ini adalah kali kedua penganjuran program seumpama dan JAKMASKKTF melalui Exco Hal Ehwal Wanita dan Kemasyarakatan (HELWA) masih bergiat aktif dalam misi menyantuni masyarakat setempat, justeru syabas dan tahniali diucapkan kepada semua pesertadan penduduk kampung dalam menjayakan program ini,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyempurnakan

perasmian program terbahit.

Katanya, diharapkan melalui program kemasyarakatan ini mampu mengeratkan lagi hubungan antara pelajar universiti dengan komuniti setempat selaras dengan slogan program, “Jalinan Kasih, Tautan Budi”.

Hadir sama pada program ini ialah Ketua Kampung Gudon Md. Aruf Rajit, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Gudon Mohadis KK Sabtu, Timbalan Pengetua KKTF Muhammad Jumrat Minun dan Pengarah Program Kunjung Kasih 2.0 KKTF Noryah Marjip.



**SUKANEKA:** Penduduk Kg. Gudon dan pelajar sekolah SAR Darul Hikmah Kampung Gudon menyertai aktiviti sukaneka.\*